

21/08/2002

Umno Terengganu perlu pastikan BN kembali berkuasa

Abd Rahman Che Mat

KEJAYAAN Barisan Nasional (BN) menawan semula kerusi Parlimen Pendang daripada Pas selain mengurangkan majoriti lawan bagi kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Anak Bukit, membawa bersamanya petanda positif.

Melintangi peta Semenanjung, angin perubahan dari Utara itu memungkinkan Terengganu yang dikuasai Pas dalam pilihan raya umum 1999, kembali memihak BN dalam pilihan raya umum akan datang.

BN ketika ini menguasai empat kerusi DUN Terengganu - iaitu Seberang Takir, Telemong, Ajil dan Kemasik - daripada 32 kerusi. Namun, daripada 28 kerusi yang dimenangi Pas itu, sebilangan daripadanya tidak sukar bertukar tangan kepada BN.

Bagi kerusi Kuala Besut, Pas menang melalui calonnya, Nik Muhammad Zawawi Salleh, dengan majoriti 487 undi. Di Kampung Raja, Pas menang melalui calonnya, Abdul Rahman @ Abd Aziz Abbas, dengan majoriti 710 undi manakala bagi Hulu Besut, Pas menang melalui calonnya, Abdullah Mat Dan, dengan majoriti 598 undi.

Cuma bagi kerusi Jertih, Pas menang dengan majoriti agak besar, iaitu 1,464 undi melalui calonnya, Tun Mohd Salleh Abas. Kerusi-kerusi ini di dalam kawasan Parlimen Besut.

Kita lihat kawasan Parlimen Setiu pula. Ada dua kerusi DUN yang dimenangi Pas dengan majoriti kurang daripada 1,000 undi. Bagi kerusi Permaisuri menyaksikan calon Pas, Rozali Muhammad, menang dengan majoriti cuma 451 undi dan di Langkap, Mohamad Hitam dengan majoriti hanya 157 undi.

Di Kuala Terengganu pula, ada dua kubu kuat Pas, iaitu Wakaf Mempelam dan Batu Buruk. Sementara bagi kerusi Bandar, Pas menang melalui calonnya, Md Azmi Lop Yusof, dengan majoriti cuma 511 undi.

Kawasan Hulu Terengganu di bawah P38, ada empat kerusi DUN. Dua daripadanya sudah dikuasai oleh BN, iaitu Telemong melalui calonnya, Tengku Putera Tengku Awang, dan Ajil melalui muka baru, Rosol Wahid, dengan majoriti 125 undi.

Sementara bagi kerusi Parlimen Dungun pula, ada empat kerusi DUN. Semuanya dimenangi Pas tetapi satu daripadanya, iaitu Bukit Besi, dimenangi Pas dengan majoriti hanya 87 undi.

Kawasan Parlimen Kemaman pula ada empat kerusi DUN. Satu daripadanya sudah dimenangi BN di Kemasik melalui Datuk Mohamad @ A Bakar Ali dengan majoriti 104 undi. Sebaliknya, kerusi DUN Kijal, Cukai dan Air Putih dimenangi Pas masing-masing dengan majoriti 264, 436 dan 479 undi.

Melihat keadaan itu, semua kerusi DUN dalam kawasan Parlimen Kemaman kemungkinan besar berjaya ditawan oleh BN.

Petunjuk berkenaan cuma berdasarkan majoriti yang dimenangi Pas pada angka 1,000 undi ke bawah, iaitu ada 11 kerusi DUN. Kalau BN mampu mempertahankan empat kerusi yang dimiliki sekarang, bermakna sudah ada 15 kerusi DUN yang mampu ditakluki BN.

Cuba lihat pula majoriti Pas pada angka 2,000 atau kurang. Ada enam kerusi DUN, termasuk Jertih yang dimenangi Salleh dengan majoriti 1,464 undi, Jabi melalui Shaharizukimain Kadir (majoriti 1,494 undi) dan Batu Rakit melalui Abu Bakar Chik (majoriti 1,187 undi).

Selebihnya ialah Bukit Tunggul yang dimenangi Dr Alias Razak (majoriti 1,942 undi), Pangkalan Berangan melalui Mustafa @ Hassan Ali (majoriti 1,609 undi) dan Manir yang dimenangi Harun Taib (majoriti 1,916 undi).

Dalam kawasan enam DUN ini, kalau Umno bekerja keras dan kena pula

dengan calon yang ditonjolkan untuk bertanding, tidak mustahil keenam-enamnya boleh dimenangi BN dan dengan demikian menjadikan jumlah 21 kerusi.

Dengan telatah pemimpin Pas yang tidak mampu mengawal penyokongnya, terutama anggota Jawatankuasa Syura Rakyat (JSR) yang sering menimbulkan masalah di kampung hingga menyebabkan rasa meluat penduduk, angin perubahan mungkin tidak dapat dibendung.

Ditambah pula soal pentadbiran masjid yang belum selesai di sesetengah tempat, ada yang beranggapan Pas tidak layak lagi memerintah Terengganu, maka tidak mustahil kawasan-kawasan DUN yang dimenangi Pas melebihi 2,000 undi pun akan kembali kepada BN.

BN Terengganu mesti bekerja keras menawan semula beberapa kerusi DUN yang menjadi kubu kuat Pas. Ia tidak mustahil kalau kena dengan formulanya, termasuk dalam formula pemilihan calon untuk bertanding.

Kita ambil contoh empat kawasan sebagai tempat yang boleh ditembusi BN kalau jenteranya bekerja keras.

Ini kerana kemenangan Pas di Terengganu dalam pilihan raya umum lalu bukan kerana faktor kekuatan tetapi disebabkan faktor dalaman Umno sendiri selain simpati terhadap pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Ramai di kalangan kerabat BN sendiri mengandaikan kemenangan dua penggal Pas bagi kerusi DUN Tepuh lebih berkisar kepada soal pemilihan calon, begitu juga bagi kerusi DUN Ledang yang suatu ketika dulu kubu kuat Umno.

Dalam pilihan raya umum 1995, calon BN, Roslan Awang Chik menang di DUN Ladang dengan majoriti 1,925 undi. Ini bermakna pengundi atas pagar pada keseluruhannya mengundi calon Pas dalam pilihan raya umum 1999. Hal inilah yang seharusnya diberikan perhatian oleh Umno Terengganu.

Calon Pas bagi kerusi DUN Wakaf Mempelam sudah beberapa penggal menang dengan majoriti besar. Untuk menawan kerusi ini, mestilah dicari calon yang baik, berwibawa, berkelulusan tinggi dan seboleh-bolehnya dari Pulau Rusa. Dengan demikian, undi keluarganya pecah. Calonnya tentu ada.

Begitu juga bagi DUN Batu Buruk. BN seharusnya tidak ketandusan tokoh untuk menentang Wan Abdul Mutalib @ Musa Wan Embong yang sudah semacam bertapak di situ. Cuma BN, khususnya Umno bahagian Kuala Terengganu perlu menampilkan calon amat berpengaruh.

Lubuk Pas cuma di Marang. Namun, kerusi Rhu Rendang yang menjadi tapak Menteri Besar, Datuk Seri Abdul Hadi Awang, boleh digugat sekiranya ada calon berkaliber. Ia harus dicari dari sekarang.

Angin perubahan dari Kedah semestinya akan bertiup di Terengganu. Lalu biarlah Pas bergendang dengan hududnya. Rakyat akan faham juga nanti.

Rakyat juga sudah tahu bahawa hudud Terengganu berbeza dengan hudud Kelantan. Kalau benar-benar hudud itu hukum Allah, bagaimana ia boleh berbeza?

Tanggungjawab kini terpikul di bahu pemimpin BN, khususnya Umno Terengganu, untuk memberi kefahaman sejelas-jelasnya kepada rakyat mengenai hudud, terutama penduduk kampung di pedalaman.

Ia mesti dilakukan mulai sekarang kerana Pas juga tidak putus-putus berceramah di masjid, surau, malah dalam khutbah Jumaat pun.

Begitu juga dengan konsep dan pengertian negara Islam. Biarlah Pas dengan teori negara Islamnya asalkan negara Islam di dunia seperti Arab Saudi, Mesir, Pakistan, Iran, Iraq, Libya, Maghribi dan lain-lain mengiktiraf Malaysia adalah sebuah negara Islam.

Biarlah pemimpin Pas mencaci dan memaki hamun asalkan negara luar tetap mengiktiraf kepemimpinan negara ini yang dijadikan model ikutan oleh mereka.

Selepas Jamal Nasir dari Mesir, Nehru dari India, Sukarno dari Indonesia, Ben Bella dari Algeria dan Nelson Mandela dari Afrika Selatan, tidak ada lagi pemimpin Asia-Afrika yang bersuara lantang menentang Barat

selain Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Tidak dinafikan Jawatankuasa Penerangan Umno Terengganu harus bekerja keras dari sekarang. Dialog dengan golongan profesional bagi mencungkil bahan-bahan untuk diketengahkan kepada rakyat harus sering dilakukan.

Dalam keadaan sekarang, Umno Terengganu tidak boleh mengharapkan buah fikiran daripada kalangan mereka yang hanya berada di keliling pinggang pemimpin atasan Umno negeri itu saja.

Ini kerana kemenangan sesuatu parti dalam pilihan raya banyak bergantung kepada pengundi atas pagar. Biasanya pengundi atas pagar ini adalah golongan profesional yang tidak mempunyai kepentingan atau tidak mengharapkan apa-apa daripada parti yang disokongnya.

Lebih-lebih lagi, Dr Mahathir sudah pun mengumumkan akan berundur selepas Oktober 2003. Maka sebagai pengikut setia dan sebagai ahli Umno yang dipimpin oleh Dr Mahathir, sewajarnya sesuatu yang bererti dihadiahkan menjelang persaraannya.

Antara hadiah amat bernilai yang dapat disumbangkan Umno Terengganu ialah dengan melupakan suasana kelam-kabut menjelang pilihan raya umum 1999, sebaliknya menyusun strategi rapi dengan mengambil kira pandangan ahli pada peringkat akar umbi dalam menentukan calon yang akan bertanding dalam pilihan raya umum agar Terengganu kembali di bawah pentadbiran BN.